



Gapura Ilmu Merentas Dunia

myLibrary

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

BILANGAN 27

Wawancara

KETUA PUSTAKAWAN - muka 3

Encik Mahbob Yusof

Koleksi Baharu PSAS: Koleksi Nadir Pertanian - muka 5

Program Literasi Maklumat: Semester Kedua Sesi 2022/2023 - muka 6

Pameran Lagu-lagu Dendangan Seniman Agung Negara: *Allahyarham Tan Sri P. Ramlee* - muka 7

Bengkel Penulisan Berita dan Media - muka 9

Pembuka Bicara.....

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah dengan IzinNya pada tahun ini dapat lagi kita meneruskan penerbitan MyLib bagi bilangan ke 27 Jun 2023. Pembukaan tahun 2023 diserikan dengan kemasukan pelajar-pelajar baharu ke kampus dengan membawa segunung hasrat dan lautan harapan. Pihak Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) sentiasa mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar baharu ke PSAS dan sentiasa bertekad memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelajar dan pengunjung yang hadir. Selain itu, PSAS sangat mengharapkan penglibatan para pelajar dengan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh PSAS.

Pihak PSAS juga sentiasa mengalu-alukan cadangan dan maklum balas dari para pengunjung demi melestarikan perkhidmatan PSAS seterusnya menjadikan PSAS sebagai perpustakaan digital dan bertaraf antarabangsa seiring dengan ikhtiar Naib Canselor ke lima iaitu ke arah pendigitalan kampus.

PSAS akan terus cemerlang dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan kepada warga universiti.

Salam hormat,

Muhammad Izhar Ruslan
Editor
izhar_ruslan@upm.edu.my

Sidang Pengarang

Penasihat
Cik Haslina Abu Seman @ Talib

Ketua Pengarang
Puan Nur Azleen Hasan

Penyunting
Puan Hazlindah Basiron
Encik Muhammad Izhar Ruslan
Puan Nursyafinaz Mohd Noh

Penulis
Staf PSAS

Grafik dan Susun Atur
Encik Mohd Izzudin Idris
Cik Suzaini Mohamad Kasim

Urusetia
Puan Asfalani Awang Ahmad
Puan Zaimah Saiful Yazan

Isi Kandungan

BERITA UTAMA		LAWATAN	
Wawancara Ketua Pustakawan, UPM (Encik Mahbob Yusof)	3	Lawatan Akreditasi	13
		Lawatan PSAS	13
BERITA		RENCANA UMUM	
Koleksi Baharu PSAS: Koleksi Nadir Pertanian	5	Utilizing Google Sheets Using PIVOT TABLE	14
LibraryPal	5	Food Hunting: Oh My Diet!	15
Program Literasi Maklumat	6	KEMBARA ILMU	
AKTIVITI PERPUSTAKAAN		International Symposium on Open Science for Information Professionals: Shaping The Future of Open Science	16
Pameran Lagu-lagu Dendangan Seniman Agung Negara: Allahyarham Tan Sri P.Ramlee	7	Launching Ceremony of Malaysia Open Science Platform	17
Pertandingan Nyanyian Lagu P.Ramlee	8	KOLEKSI PERPUSTAKAAN	
Bengkel Penulisan Berita dan Media	9	Projek Koleksi Buku Inspirasi	18
Bengkel Pengkatalogan RDA	10	AKTIVITI KELAB PSAS	
Program SPACE CAMP 2022 & SPACE CAMP 2023	11	Program Kembara Lasak SISFEC 2022	19
Pertandingan Sudut Bacaan Read@Uni	12	Program Maulidur Rasul PSAS 2022	19
		Program Membakar Lemang dan Rendang 2023	19

STAF BERSARA



En. Zulkifli Abd. Jamil
• Pembantu Pustakawan Kanan (S22)
• 31 Mac 2023



En. Zaharudin A. Manap
• Pembantu Pustakawan Kanan (S26)
• 6 April 2023



En. Marzuki Omar
• Pembantu Operasi (N11)
• 7 April 2023



Pn. Junaini Mohd Yusof
• Penolong Pustakawan (S32)
• 20 Mei 2023



Pn. Salmah Abdullah
• Timbalan Ketua Pustakawan (S52)
• 11 Jun 2023

STAF BERTUKAR PTJ



En. Hanafiah Bin Ismail
• Pembantu Penerbitan (N22)
• 16 Mac 2023
• PTJ Baharu: Institut Kajian Perladangan

STAF BAHARU



En. Mahbob Bin Yusof
Ketua Pustakawan (VU7)



Pn. Syarfeeza Mohamad Saifuddin
Pustakawan (S41)



Pn. Syafiqah Nabillah Jamali
Pustakawan (S41)

MyLibrary (bilangan 27)



MyLibrary merupakan Berita Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM). Penerbitan ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan, kemudahan dan aktiviti di PSAS. Sila hantar sumbangan idea dan inspirasi kreatif anda bagi meningkatkan mutu penerbitan MyLibrary melalui saluran komunikasi berikut:

Ketua Editor MyLibrary
Bahagian Korporat dan Latihan Staf
Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor.

Tel.: 03-97698445 / 8440
Faks: 03-97694773



Wawancara KETUA PUSTAKAWAN

Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menerima Ketua Pustakawan yang ke-6 pada 3 Januari 2023. Encik Mahbob Yusof telah dilantik bagi menggalas tanggungjawab sebagai peneraju utama PSAS menggantikan Encik Muzaffar Shah Kasim yang telah bersara wajib pada 14 Ogos 2022 yang lalu. Bagi merealisasikan matlamat yang terkandung di dalam Pelan Strategik UPM 2021-2025, pelantikan beliau diyakini mampu mencorak dan menggalang impian dan hasrat UPM untuk menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa. Wartawan My Library telah menemu bual peneraju ke-6 PSAS untuk berkongsi hasrat, impian, sudut pandang dan cabaran dalam menerajui PSAS.

MUKADIMAH

My Library: Assalamualaikum WBT. Pertama kali kami dari Buletin My Library mengucapkan terima kasih di atas kesudian Encik Mahbob meluangkan masa bagi sesi wawancara pada hari ini.

En. Mahbob: Waalaikumussalam WBT. Saya juga berbesar hati dapat bersama-sama untuk ditemu bual oleh wartawan My Library.

My Library: Pertama kali, masih belum terlambat untuk kami mengucapkan tahniah di atas pelantikan sebagai Ketua Pustakawan yang baharu di UPM. Kami sangat mengalu-alukan kedatangan tuan di PSAS. Boleh ceritakan sedikit latar belakang tuan?

En. Mahbob: Terima kasih. Nama penuh saya ialah Mahbob bin Yusof. Saya berasal dari Muar, Johor. Sebelum ini, saya berkhidmat di Universiti Malaya (UM) selama hampir 30 tahun. Di UM, saya menjawat jawatan Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, dari Mac 2016 hingga Januari 2023 dan pernah dilantik sebagai Pemangku Ketua Pustakawan, dari Jun 2017 hingga Mei 2019. Selain itu, saya juga pernah berkhidmat sebagai pensyarah sambilan di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, UM. Kemudian bermula tahun 2023 hingga 2025, saya telah diluluskan

untuk dipinjamkan kepada UPM selama tiga (3) tahun.

My Library: Boleh tuan jelaskan mengenai peminjaman tuan dari UM kepada UPM ini?

En. Mahbob: UM melihat kaedah ini sebagai salah satu pendekatan pembangunan profesional di mana staf dipinjamkan kepada organisasi lain. Melalui peminjaman ini, staf bukan sahaja dapat membangunkan kerjaya, tetapi juga dapat berkongsi amalan terbaik, idea, pandangan dan pengalaman ke tempat baharu. Begitu juga sebaliknya. Pengalaman dua (2) tahun sebagai Pemangku Ketua Pustakawan yang juga ahli jawatankuasa pengurusan universiti di UM, meyakinkan saya untuk berkhidmat dan mencurahkan bakti di UPM.

My Library: Tuan dilantik sebagai Ketua Pustakawan dan Ketua Pegawai Maklumat (CIO) UPM. Boleh tuan perincikan sedikit mengenai jawatan ini?

En. Mahbob: Untuk makluman bersama, Kementerian Pengajian Tinggi telah menukar nama CIO kepada Ketua Pegawai Digital (CDO) pada bulan Mac 2023 yang lalu. Ini adalah bertepatan dan selari dengan agenda pendigitalan negara terutama ekonomi digital. Saya memegang dua peranan iaitu sebagai

Ketua Pustakawan dan CDO. Selain meneraju PSAS sebagai Ketua Pustakawan, saya juga dilantik sebagai CDO yang berperanan untuk memperhebat pendigitalan kampus melalui ikhtiar yang telah digariskan di dalam Naratif Naib Canselor 2023.

My Library: Soalan seterusnya, apakah perkara pertama yang tuan ingin laksanakan di PSAS?

En. Mahbob: Pada awal kedatangan saya di PSAS, saya telah melawat ke setiap bahagian dan pertekankan bahawa perpustakaan perlu lebih *inviting*, ceria dan menginspirasi. Apabila melangkah masuk ke perpustakaan, pengunjung seharusnya mendapat inspirasi. Bagi mencapai matlamat ini beberapa ikhtiar perlu dilaksanakan contohnya staf perlu menyambut kedatangan pengguna ke perpustakaan melalui *friendly gesture* dan menjawab pertanyaan pelajar dengan baik serta menunjukkan sikap yang profesional. Secara tidak langsung, pengunjung atau pelajar akan berasa dialu-alukan untuk datang ke perpustakaan. Selain daripada itu, peraturan perpustakaan yang tidak lagi relevan untuk masa kini boleh dikaji semula supaya selari dengan keperluan dan peredaran semasa.



Oleh: Muhammad Izhar Ruslan dan Nur Azleen Hasan
(Bahagian Korporat dan Latihan Staf)

Selain itu, koleksi perpustakaan terutamanya jurnal langganan yang berimpak tinggi perlu lebih ditonjolkan bagi menarik minat bakal pelajar lepasan ijazah. Keluaran terbaru jurnal ini boleh dipamerkan atau dipaparkan sebagai salah satu kaedah pemberitahuan. Jadi, mereka yang berada di dalam bidang tersebut akan menyedari bahawa PSAS mempunyai jurnal tersohor yang telah dilanggan di dalam database perpustakaan. Pustakawan profesional perlu memainkan peranan dalam mempromosi jurnal tersebut di samping mempromosi koleksi perpustakaan yang lain.

My Library: Bagaimana pula dengan legasi PSAS yang ditinggalkan ini? Adakah tuan akan meneruskan legasi kepimpinan terdahulu?

En. Mahbob: Apa yang telah dibangunkan dan dibina oleh kepimpinan lama akan tetap diteruskan malah akan diperhebat lagi. Contohnya, *Taskforce* Keceriaan telah ditubuhkan bagi meningkatkan keceriaan dan inspirasi perpustakaan dan bergerak lebih aktif dalam mendekati pengguna terutamanya pelajar.

My Library: Bercakap mengenai profesion kepustakawanan, apa pandangan tuan mengenai perkembangan profesion ini?

En. Mahbob: Pada pandangan saya, perkara yang perlu ditekankan di dalam profesion kepustakawanan ini adalah perlunya inisiatif atau ikhtiar individu pustakawan itu sendiri. Setiap kisah kejayaan yang dicapai perlu disebarkan. Melihat professional development of librarians ini secara mendalam, saya berpendapat bahawa pustakawan perlu dicabar untuk menunjukkan keupayaan sebenar. Ada pustakawan yang mencari cabaran sendiri iaitu dengan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi seperti PhD supaya tidak berada di takuk yang sama. Dalam masa yang sama, ada juga pustakawan yang mencabar diri sendiri dari segi peningkatan keterampilan

diri dan kebolehan sehingga mampu memberi perkhidmatan profesional yang bernilai tambah.

My Library: Apakah halangan atau cabaran dalam membangunkan lagi PSAS ini?

En. Mahbob: Kekangan kewangan merupakan salah satu cabaran yang perlu dihadapi. Kekangan kewangan pastinya akan memperlambatkan proses pembangunan sumber manusia perpustakaan terutamanya apabila kita merancang untuk membangunkan staf dengan cepat. Jadi perlu ada ikhtiar lain ke arah perkara ini dan saya juga perlu memastikan hubungan dengan pemegang taruh UPM senantiasa baik dan dibajai.

Begitu juga kepada pembangunan infrastruktur, perkara yang perlu dilaksanakan walau dalam kekangan kewangan adalah penyelenggaraan yang sistematik. Infrastruktur itu walaupun tidak diubahsuai tetapi haruslah diselenggara. PSAS sudah pun mempunyai infrastruktur yang mantap, jadi keperluan utama kini adalah meningkatkan atau menyelenggara sahaja.

PENUTUP

My Library: Sebagai penutup wawancara ini, apakah harapan tuan untuk disampaikan kepada warga PSAS, khususnya kepada pembaca *My Library*?

En. Mahbob: Untuk menjadi sebuah PTJ atau organisasi yang cemerlang, saya melihat dari sudut cara kita bekerja. PSAS haruslah menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi atau *high performance organization* di mana proses pembelajaran dan *re-learning* berlaku setiap hari. Perkhidmatan yang disediakan mestilah berasaskan pengetahuan dan staf turut sama maju. Bagi menjadi *21st century workforce*, kerjasama pasukan adalah sangat penting. Sikap ini harus ditanam dan disemat di kalangan warga perpustakaan.

Selain daripada itu, kolaborasi dengan PTJ lain di dalam UPM merupakan kunci utama dalam menjadi organisasi yang cemerlang. Kolaborasi antara perpustakaan dan fakulti sebagai contoh, bukan sahaja akan memberikan impak kepada perpustakaan, tetapi juga kepada pelajar dan persekitaran. Usaha ini akan melibatkan jabatan, institusi luar dan juga sekolah-sekolah dan ianya perlulah dirancang dengan baik supaya program yang dilaksanakan akan berterusan. *Corporate Social Responsibilities* (CSR) yang dilakukan ini diharapkan dapat mendepani universiti dalam mendekati komuniti. Komuniti pula akan mendapat manfaat daripada program sebegini dan seterusnya menyumbang kembali kepada universiti.

Ini antara visi yang hendak saya capai. Secara keseluruhannya, staf perlulah mengadaptasi cara bekerja *21st century*, sentiasa mengamalkan budaya kerjasama dan kolaborasi, berfikir secara kreatif, menghasilkan inovasi dan seterusnya mampu untuk meningkatkan kualiti peribadi diri dan menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

My Library: Baiklah, kami fikir telah banyak isu yang telah dikongsi dan dikupas oleh tuan. Kita berhenti setakat ini dahulu. Terima kasih tuan di atas kesudian meluangkan masa bagi sesi wawancara kita pada hari ini.

En. Mahbob: Sama-sama. Diharapkan perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada semua. Insya-Allah.



KOLEKSI BAHARU PSAS: KOLEKSI NADIR PERTANIAN

Bahagian Sumber Pertanian Malaysia (BSPM) telah membangunkan Koleksi Nadir Pertanian yang terdiri daripada bahan berkaitan dengan pertanian yang telah diterbitkan melebihi 50 tahun dan sukar diperolehi ataupun tidak lagi didapati di pasaran. Ia bertujuan untuk menyimpan khazanah intelektual berkaitan pertanian yang mempunyai nilai warisan yang tinggi di samping memperkasa peranan dan fungsi PSAS sebagai pusat rujukan maklumat pertanian. Sehingga kini, terdapat 300 judul buku nadir pertanian dalam koleksi ini.

Koleksi Nadir Pertanian ditempatkan di BSPM dan boleh dirujuk oleh pengguna Perpustakaan. Pencarian bahan dalam koleksi ini boleh dibuat melalui KOHA WebOPAC menggunakan pencarian lokasi Rare Agriculture Collection.

Oleh: Rusniah Sayuti dan Suzila Mohamad Kasim
(Bahagian Sumber Pertanian Malaysia)

LP LibraryPal
Mobile Checkout Application
Quickly borrow and renew books using smartphone!

Download Now

GET IT ON Google Play
Download on the App Store

features:

- ▶ CHECK LIBRARY ACCOUNT
- ▶ RENEW BOOKS ONLINE
- ▶ SELF-CHECKOUT BOOKS
- ▶ NOTIFICATION

Bagi menyokong inisiatif Kampus Pintar, Perpustakaan Sultan Abdul Samad telah melaksanakan transformasi perkhidmatan pinjaman buku agar lebih mudah dan canggih dengan memperkenalkan perkhidmatan pinjaman buku menggunakan telefon pintar. Aplikasi LibraryPal adalah teknologi terkini yang digunakan oleh Perpustakaan Sultan Abdul Samad bagi memudahkan proses pinjaman buku. Aplikasi ini membolehkan pengguna perpustakaan melaksanakan transaksi pinjaman buku layan diri hanya dengan menggunakan telefon pintar sahaja.

Syarat-syarat untuk mengakses aplikasi LibraryPal adalah seperti berikut:

1. Status akaun pengguna mestilah "AKTIF".
2. Akaun pengguna mesti menunjukkan status "TIADA DENDA" dan "TIADA PENALTI".
3. Pengguna hanya dibenarkan meminjam buku dengan status "AVAILABLE" di lokasi Perpustakaan PSAS Utama, Perpustakaan Perubatan, Perpustakaan Kejuruteraan & Seni Bina dan Perpustakaan Veterinar.
4. Bilangan buku yang dibenarkan untuk dipinjam adalah tertakluk kepada kelayakan pinjaman pengguna sedia ada.

Oleh: Mohamad Amirul Iqmal Mohamad Badrul Zaman dan Muizzudin Kaspol (Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat)

Panduan instalasi dan pinjaman buku melalui LibraryPal

LibraryPal INSTALASI LIBRARYPAL

1. MUAT TURUN APLIKASI LIBRARYPAL: Muat Turun Aplikasi LibraryPal di "Google Play (Android)" dan "App Store (Apple)".
2. KLIK "SETUP":
3. ISI MAKLUMAT BERIKUT & KLIK "LOGIN": Pili - Malaysia, Pili - Universiti Putra Malaysia, Masukkan - No. Staf / No. Pelajar, Masukkan - Nama Lain.
4. SELESAI

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

LibraryPal PINJAMAN BUKU MELALUI LIBRARYPAL

1. Semak nombor panggilan buku melalui KOHA WebOPAC dan dapatkan buku tersebut di rak. <http://www.eto.upm.edu.my/>
2. Buka Aplikasi LibraryPal & klik "Scan" untuk meminjam buku.
3. Imbas "Barcode" buku.
4. Klik "SCAN ITEM AGAIN" (jika lebih daripada 1 buku) ATAU klik "CHECKOUT" untuk langkapkan transaksi.
5. Anda perlu menyahaktifkan Tag Keselamatan di Kaunter Sirkulasi sebelum keluar perpustakaan.

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

Library INFORMATION LITERACY PROGRAMME

For New Postgraduate Students
(Second Semester 2022/2023)

Date: 13th – 24th March 2023
Time: 10.00 - 11.30AM | 2.30 - 4.00PM

Module:

- Introduction to the Library
- Information Search Strategy
- Mendeley: Basic
- Turnitin: Student
- Citation Indexed Journal



Any enquiries please contact us,
• Tel : 03 97691577
• Email : norazira@upm.edu.my / s_radziah@upm.edu.my



LIBRARY INFORMATION LITERACY PROGRAMME FOR NEW POSTGRADUATE STUDENTS (SECOND SEMESTER 2022/2023)

TIME	DATE	13/3/2023 (Monday)	14/3/2023 (Tuesday)	15/3/2023 (Wednesday)	16/3/2023 (Thursday)	17/3/2023 (Friday)
10.00 AM to 11.30 AM		10.00 – 11.00 AM Introduction to the Library • Library Services • Library Facilities https://forms.gle/q1vYUaDfzJ1YK68	10.00 – 11.00 AM Turnitin • Enroll in Turnitin Class • Submit Paper to Turnitin • View the Report https://forms.gle/hFvaqJrvuKGRm8	10.00 – 11.00 AM Citation Indexed Journal • Scopus • Incites JCR • ERA https://forms.gle/VZw6GyakWATyagE7	Information Search Strategy • Strategic Searching Techniques • Information Resources https://forms.gle/mBDWIme5UpbTU8K6	Mendeley : Basic Strategy • Introduction to Mendeley • Add and manage references in Mendeley • Cite and Insert Bibliography https://forms.gle/8BkK6TXXzMKJ8
2.30 PM to 4.00 PM		Information Search Strategy • Strategic Searching Techniques • Information Resources https://forms.gle/hYGFzSyaP9bx89	Mendeley : Basic Strategy • Introduction to Mendeley • Add and manage references in Mendeley • Cite and Insert Bibliography https://forms.gle/LKFWCXVtkgdDsy8	Information Search Strategy • Strategic Searching Techniques • Information Resources https://forms.gle/P2F44R1k97UJURK6	Turnitin • Enroll in Turnitin Class • Submit Paper to Turnitin • View the Report https://forms.gle/c78XVBUJ1xglU9	Citation Indexed Journal • Scopus • Incites JCR • ERA https://forms.gle/RwFmu3P9A0BAcD9

TIME	DATE	20/3/2023 (Monday)	21/3/2023 (Tuesday)	22/3/2023 (Wednesday)	23/3/2023 (Thursday)	24/3/2023 (Friday)
10.00 AM to 11.30 AM		10.00 – 11.00 AM Introduction to the Library • Library Services • Library Facilities https://forms.gle/hAYUKCQIEFEPH26	10.00 – 11.00 AM Citation Indexed Journal • Scopus • Incites JCR • ERA https://forms.gle/RW5FqYPrScNm0A	Turnitin • Enroll in Turnitin Class • Submit Paper to Turnitin • View the Report https://forms.gle/hV43auL1kA29C10	Mendeley : Basic Strategy • Introduction to Mendeley • Add and manage references in Mendeley • Cite and Insert Bibliography https://forms.gle/juoZ8WReG4m5W0H66	Information Search Strategy • Strategic Searching Techniques • Information Resources https://forms.gle/hvQ6C6HD1UZPF9X9
2.30 PM to 4.00 PM		Information Search Strategy • Strategic Searching Techniques • Information Resources https://forms.gle/v6DuRmFUzZTHq88	Mendeley : Basic Strategy • Introduction to Mendeley • Add and manage references in Mendeley • Cite and Insert Bibliography https://forms.gle/qYwIwuhQorG3wA7	Introduction to the Library • Library Services • Library Facilities https://forms.gle/UN4A6yBG6K3b0v7	Citation Indexed Journal • Scopus • Incites JCR • ERA https://forms.gle/YelY4wSenymYqMxLA	Turnitin • Enroll in Turnitin Class • Submit Paper to Turnitin • View the Report https://forms.gle/VmAF5KGRtZ9K7ahY6

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT : SEMESTER KEDUA SESI 2022/2023


Serdang, 2 Mei 2023 - Sepanjang bulan Mac dan April 2023, Perpustakaan Sultan Abdul Samad telah menganjurkan Program Literasi Maklumat: Pelajar Pascasiswazah Baharu, Kelas Kemahiran Maklumat Pelajar Prasiswazah dan Kelas Pembekal secara hibrid (fizikal dan dalam talian). Kelas-kelas ini lazimnya dijalankan pada setiap awal semester baharu bagi memastikan pelajar mendapat maklumat terkini mengenai perpustakaan.

Enam modul utama telah ditawarkan kepada warga UPM iaitu Pengenalan Perpustakaan, Strategi Pencarian Maklumat, Turnitin, Mendeley: Basic, Citation Indexed Journal (CIJ) dan Pangkalan Data Langganan. Program ini telah dikendalikan oleh Pustakawan Penghubung Fakulti dan dibantu oleh Penolong Pustakawan, Bahagian Rujukan dan Pendidikan Pengguna. Seramai 985 peserta

yang terdiri daripada pelajar prasiswazah, pascasiswazah, pensyarah dan staf UPM telah menyertai program ini. Kehadiran bagi Program Literasi Maklumat : Pelajar Pascasiswazah Baharu adalah seramai 493 orang. Kelas Kemahiran Maklumat Pelajar Prasiswazah adalah seramai 367 orang dan Kelas Pembekal adalah seramai 492 orang.

Diharapkan dengan penganjuran PLM ini dapat meningkatkan kemahiran pencarian maklumat bagi membantu pembelajaran dan penyelidikan warga UPM. Selain itu, program ini juga dapat memberi kesedaran dan pengetahuan akan kewujudan pangkalan data yang dilanggan oleh UPM dan secara tidak langsung membantu peningkatan penggunaan pangkalan data tersebut.

Oleh: Norazira Mohamed, Najah Mohd Ali dan Roslan Ariffin (Bahagian Rujukan dan Pendidikan Pengguna)



Antara pelajar yang menghadiri Program Literasi Maklumat



Pameran Lagu- lagu Dendangan Seniman Agung Negara: *Allahyarham Tan Sri P. Ramlee*

Sempena Dekad Membaca Kebangsaan 2020-2030
7 Februari - 7 Mac 2023

Anjuran:
Muhamad Hafizuddin Bin Mohd Noor
(Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi) &
Bahagian Media, Arkib dan Pemuliharaan,
Perpustakaan Sultan Abdul Samad



Serdang, 7 Feb 2023 - Bahagian Media, Arkib dan Pemuliharaan (BMAP), Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), UPM telah mengusahakan Pameran Lagu-Lagu Dendangan Seniman Agung Negara: Allahyarham Tan Sri P. Ramlee yang berlangsung selama satu bulan.

Pameran diadakan bagi menyokong Dekad Bahasa Kebangsaan (2020-2030) yang dilancarkan pada 12 Julai 2018 oleh mantan Menteri Pelajaran, Yang Berbahagia Dr. Maszlee Malik.

Pameran ini juga merupakan salah satu alternatif pihak BMAP dalam mengetengahkan karya-karya kreatif warisan negara.

Ia sekaligus menyokong matlamat 4 (Quality Education) dan matlamat 11 (Mobilize Sustainable Cities and Communities) Sustainable Development Goals (SDG) oleh pihak UNESCO.

Matlamat 11 melalui sasaran 11.4 mempunyai matlamat memperkukuh usaha untuk melindungi dan menjaga warisan budaya dan semula jadi dunia.

Pameran ini memaparkan karya kreatif lagu-

lagu yang didendangkan oleh Allahyarham Tan Sri P. Ramlee bermula 7 Februari – 7 Mac 2023 di Blok A, PSAS.

Kandungan pameran termasuklah biodata, 15 lirik lagu, lima (5) ulasan lirik lagu serta senarai lagu terpilih dendangan P. Ramlee.

Lirik lagu dalam format Braille turut disediakan dalam pameran ini bagi membantu golongan kelainan upaya membaca lirik lagu.

Beberapa buah filem terpilih P. Ramlee dimainkan menerusi pemain cakera dan televisyen sepanjang masa perpustakaan dibuka.

Pengunjung pameran boleh mendengar beberapa lagu pilihan dendangan P. Ramlee melalui pemain cakera DVD melalui radio yang disediakan.

Pengunjung juga boleh menguji ketangkasan minda dalam menyusun atur puzzle gambar P. Ramlee.

Pameran disediakan oleh pelajar Bacelor Kesusasteraan Melayu daripada Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), UPM iaitu Encik Muhamad Hafizuddin Bin Mohd

Noor (202401) sebagai salah satu tugas latihan industri di BMAP, PSAS.

Ide pameran dan tugas latihan industri diselia oleh Ketua BMAP iaitu Puan Salmah Abdullah.

Pameran turut dibantu oleh Encik Azizan Arshad dan Puan Siti Noorhaniza Hamdan selaku Penyelaras Latihan Industri, Puan Wan Mustaqimah, Encik Muhamad Marwan, Cik Suzaini Mohamad Kasim dan beberapa orang staf BMAP yang lain.

P. Ramlee telah kembali ke rahmatullah pada 29 Mei 1973 dan di jenazahnya dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Tahun 2022 merupakan tahun terakhir untuk waris P. Ramlee mendapatkan royalti harta inteleknya iaitu 50 tahun selepas pencipta meninggal dunia.

Semoga pameran ini dapat mengimbas kembali nostalgia kegemilangan seniman negara kita, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

Oleh: Salmah Abdullah (Ketua, Bahagian Media, Arkib dan Pemuliharaan)



Sebahagian kandungan pameran yang diadakan



Penggambaran oleh Astro Awani dengan latar belakang Pameran Lagu P. Ramlee



Pendaftar UPM sedang mendengar alunan lagu P. Ramlee sambil diperhatikan oleh En. Muhamad Hafizuddin dan Pn. Salmah

Pameran Lagu-Lagu Dendangan Seniman Agung Negara: Allahyarham Tan Sri P. Ramlee 7 Februari - 7 Mac 2023

Bil	Nama Tetamu	F/I/O Organisasi	Catatan	Tandatangan
8	SUEPANA BT. MEB. CHAIRA	PEJ. JENAPANG	"Terdapat banyak yang baik untuk masyarakat bangsa Indonesia."	
9	Le Le?	educational studies	It's very interesting. I really like the film.	
10	NOEL ABANG CHAI	student of Science Engineering FBMK	Pameran ini and will always be a memorable regard. Agree with the museum. Good!	
11	Fatihah Zahrah e Aishah Anwar	B.P.P.A.R PSAS	Syabas dan tahniah BMAP kerana mengadakan pameran tentang kehidupan Hg. Tan Sri Allahyarham P. Ramlee	

Anjuran: Bahagian Media Ulasan pengunjung berkaitan pameran

PERTANDINGAN NYANYIAN LAGU P. RAMLEE

6 Februari - 5 Mac 2023

Hadiah mengrik menanti anda



Pendaftaran



<https://m5.gs/Tm1tRO>

DALAM TALIAN

Terbuka kepada semua warga negara Malaysia

AKTIVITI PERPUSTAKAAN

Serdang, 7 Feb 2023 - Bahagian Media, Arkib dan Pemuliharaan (BMAP), Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), UPM telah mengusahakan Pameran Lagu-Lagu Dendang Seniman Agung Negara: Allahyarham Tan Sri P. Ramlee yang berlangsung selama satu bulan.

Sehubungan itu, BMAP telah mengadakan Pertandingan Nyanyian Lagu P. Ramlee bagi menyokong Dekad Bahasa Kebangsaan (2020-2030), menegenahkan warisan kesenian negara kepada masyarakat dan sebagai salah satu tugas kepada pelajar latihan industri daripada Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), UPM iaitu Encik Muhamad Hafizuddin bin Mohd Noor.

la sekaligus menyokong matlamat 4 (Quality Education) dan matlamat 11 (Mobilize Sustainable Cities and Communities) Sustainable Development Goals (SDG) oleh pihak UNESCO melalui sasaran 11.4 mempunyai matlamat memperkukuh usaha untuk melindungi dan menjaga warisan budaya dan semula jadi dunia.

Pertandingan bermula 6 Februari hingga 5 Mac 2023. Pertandingan terbuka kepada semua warganegara Malaysia di mana peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan namun jika dipilih, hanya satu (1) hadiah sahaja yang boleh dimenangi bagi penyertaan pertandingan ini.

Peserta boleh menggunakan karaoke atau minus one atau alat muzik lain semasa membuat rakaman video lagu.

Peserta hendaklah mendendangkan dan merakam salah satu lagu samada 'Barang Yang Lepas Jangan Dikenang', 'Bunyi Gitar', 'Dendang Perantau', 'Engkau Laksana Bulan', 'Getaran Jiwa', 'Malam Bulan Dipagar Bintang' atau 'Tunggu Sekejap'.

Peserta perlu memuatnaik video rakaman ke dalam media sosial (Facebook, Tiktok dan Instagram) masing-masing dan 'mention' akaun rasmi Perpustakaan Sultan Abdul Samad serta memasukkan tanda pagar #PSAS #BMAP #WELOVEUPM #PRAMLEE pada kapsyen video tersebut.

Keputusan pemenang diadili oleh juri (90%) dan jumlah like (10%) yang diterima oleh peserta bagi setiap video rakaman yang dihantar.

Maklumat pertandingan telah dipromosikan melalui media sosial Perpustakaan. Sebanyak 15 penyertaan diterima dengan bilangan peserta seramai 13 orang iaitu tujuh lelaki dan enam perempuan. Dua belas peserta daripada luar UPM dan seorang peserta daripada UPM.

Juri pertandingan terdiri daripada Encik Husaishah Rizal Hussian selaku Ketua Juri, Encik Mohd Khairul Zainal Abidin dan Encik Adidi Tamin daripada Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM.

Hadiah pertandingan bagi pemenang pertama, kedua dan ketiga berupa portable wireless speaker, mikrofon dan kit cenderahati Perpustakaan beserta sijil. Manakala pemenang suguhati memperoleh buku novel, kit cenderahati Perpustakaan beserta sijil.

Setiap peserta yang menyertai diberi sijil penyertaan pertandingan digital.

Semoga pertandingan ini dapat membangkitkan kembali nostalgia lagu-lagu seniman negara kita, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

Oleh: Salmah Abdullah (Ketua, Bahagian Media, Arkib dan Pemuliharaan)



PEMENANG PERTAMA
En. Mohd Fozai Joned dari Bidor, Perak mendendangkan lagu 'Engkau Laksana Bulan'. [Pautan video](#)



PEMENANG KEDUA
Nur Idayu Azizi-Aziz dari Ipoh, Perak mendendangkan lagu 'Malam Bulan Dipagar Bintang'. [Pautan video](#)



PEMENANG KETIGA
En. Zainol Roslan dari Klang, Selangor mendendangkan lagu 'Bunyi Gitar'. [Pautan video](#)



SAGUHATI PERTAMA
En. Mohd Irwan Zakaria dari Ampang, Selangor mendendangkan lagu 'Barang yang Lepas Jangan Dikenang'. [Pautan video](#)



SAGUHATI KEDUA
Cik Noor Hartini Abdul Hanid dari Marang, Terengganu mendendangkan lagu 'Tunggu Sekejap'. [Pautan video](#)



SAGUHATI KETIGA
En. Wan Mohamad Desah dari Sungai Buloh, Selangor mendendangkan lagu 'Bunyi Gitar'. [Pautan video](#)



SAGUHATI KEEMPAT
En. Yakub Abdul Rahim dari Samarahan, Sarawak mendendangkan lagu 'Tunggu Sekejap'. [Pautan video](#)



SAGUHATI KELIMA
En. Abdul Ashrah Abdul Wahab dari Kuala Lumpur mendendangkan lagu 'Malam Bulan Dipagar Bintang'. [Pautan video](#)

SERDANG, 14 Mac 2023 - Bengkel Penulisan Berita dan Media merupakan bengkel pembukaan pada tahun 2023 anjuran Perpustakaan Sultan Abdul Samad yang menghimpunkan seramai 29 orang peserta dari pelbagai Pusat Tanggungjawab di Universiti Putra Malaysia.

“Bengkel ini telah membuka mata saya dalam penggunaan teknik dan format yang sebenar dalam menulis sebuah berita” ujar Dr. Suriya Kumari Ramiah dari Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS) yang juga merupakan salah seorang peserta bengkel.

Bengkel yang berlangsung di Bilik Termasa Perpustakaan Sultan Abdul Samad itu telah dikendalikan oleh perunding profesional penerbitan iaitu Encik Zamri Mohamad yang telah menghasilkan 30 buah buku dengan jumlah pembaca melebihi 146,000 orang.

Acara penutup bengkel tersebut diakhiri dengan majlis penyampaian sijil penyertaan kepada peserta dan cenderahati kepada penceramah oleh Encik Mahbob Yusof, Ketua Pustakawan Perpustakaan Sultan Abdul Samad.

Secara keseluruhan, para peserta amat berpuas hati dengan Bengkel Penulisan Berita dan Media yang telah dianjurkan oleh Perpustakaan Sultan Abdul Samad ini dan berminat untuk menantikan sambungan siri bengkel pada masa akan datang.

Oleh: Muhammad Izhar Ruslan dan Nur Azleen Hasan (Bahagian Korporat dan Latihan Staf)



Bengkel Penulisan Berita dan Media

Penyampaian maklumat yang cekap melalui aktiviti penulisan merupakan keutamaan setiap organisasi, terutama agensi kerajaan dalam menyalurkan maklumat kepada orang ramai. Walaupun kini maklumat mudah diakses melalui pelbagai jenis aplikasi teknologi maklumat, kemahiran penulisan tetap menjadi kompetensi utama dalam penyediaan bahan maklumat.

Bengkel ini meliputi konsep penulisan dan penerbitan, amalan industri media di Malaysia, etika penulisan dan latihan amali penulisan bahan media.

14 Mac 2023
9.00 pagi – 4.30 petang
Bilik Termasa,
Perpustakaan Sultan Abdul Samad

Yuran Penyertaan

